A. NAIM KASSAN

ESOK *yang dilupakan*

Esok yang dilupakan

SAB00000353

PUSAT DOKUMENTASI MELAYU
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

A. NAIM KASSAN

ESOK *yang dilupakan*

PERPUSTAKAAN
DEW'N BAHASA DAN PUSTAKA

NASKHAH CONTOH

PERPUSTAKAAN DBP
Cawangan, Sabah.
No. Kelas: 899.233 ABU
No. Perolehan: KS 007750
Tarikh: 4.2.9 | T.T

SBH 353

A. NAIM KASSAN

ESOK *yang dilupakan*

NASKHAH CONTOH

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kementerian Pendidikan Malaysia
Kuala Lumpur
1990

KK 893-4539 5101
ISBN 983-62-1425-9

Novel ini diterbitkan di bawah Skim Galakan untuk penulis-penulis muda. Novel ini juga pernah memenangi hadiah sagu hati dalam peraduan mengarang novel (1989) anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah.

Cetakan Pertama 1990
© Hak Cipta Abu Naim Kassan 1990

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa cara pun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Diaturhuruf oleh: Agensi Al Arqam
Muka Taip Teks: Times Roman
Saiz Taip Teks: 10/12 poin

Dicetak oleh
Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka
Lot 1037, Mukim Perindustrian PKNS
Ampang. Hulu Kelang
Selangor Darul Ehsan
$7.00

dedikasi buat anak-anakku;
dalam hidupmu, fikirkan hari esok

NASKHAH CONTOH

PENGAKUAN

KESELURUHAN kisah dalam novel *Esok Yang Dilupakan* ini adalah rekaan belaka, tidak ada kaitan dengan sesiapa pun yang masih hidup atau sudah meninggal dunia. Nama-nama tempat dan jawatan juga adalah ciptaan sahaja bagi menyesuaikan sebuah lokasi dan gambaran kehidupan di daerah pantai timur Sabah.

Penulis

SATU

FAJAR sidik menyingsing menjadikan warna alam sekitar Kampung Air Penyengat sedikit cerah. Beberapa butir bintang kelihatan berkerdipan di dada langit, menghiasi alam yang indah ini. Cahaya matahari sedikit demi sedikit muncul di kaki langit sebelah timur.

Dalam dingin pagi yang hanya dicahayai oleh serpihan cahaya bintang dan fajar sidik itu, kaum lelaki dan wanita terkodek-kodek di dalam perahu menuju ke kuala untuk mengadu nasib di pinggir-pinggir laut. Kebanyakan daripada mereka mendayung perahu yang diperbuat daripada batang kayu besar sahaja. Mereka turun ke laut untuk memukat ikan-ikan kecil; memburu selisip, likup-likup dan lokan yang terbenam dalam pasir di pinggir pantai. Kadangkala mereka mengambil kesempatan untuk menjala udang sewaktu dalam perjalanan ke laut itu.

Di kampung tersebut hanya terdapat sebuah kapal penarik pukat yang sederhana besarnya. Kapal itu kepunyaan KK. Barau. Pada pagi yang hening itu KK. Barau dan tiga orang pekerjanya belum turun ke laut lagi. Dia baru sahaja melangkah menuju ke kapalnya yang ditambat di depan rumah. Cahaya lampu picitnya menyoroti persekitaran bagi memastikan sama ada berlaku perubahan ke atas kampungnya dalam masa semalam itu.

Kokok ayam jantan di kejauhan menggegarkan sepi pagi. Sejurus kemudian ayam sabung KK. Barau yang dikurung di belakang rumah mengepak lalu menyahut kokokan ayam tadi.

KK. Barau berasa terhibur mendengar kokokan ayamnya itu. Dia meneruskan langkahnya perlahan-lahan lalu masuk ke dalam kapalnya. Kapal itu miring sedikit. Riak-riak air lembut melanggar tiang-tiang jejambat yang berceracakan di sekitar kapal itu.

Lantas dia menyalakan pelita *hurricane* yang tergantung di bumbung kapalnya. Kini kelihatan wajah KK. Barau yang sering dibakar matahari itu dalam cahaya kuning.

Dia menoleh ke arah selatan. Dari arah itu ada tanda-tanda orang datang ke arahnya. Gegaran jejambat yang menghubungkan antara rumah ke rumah di kampung itu semakin jelas terasa. Dibiarkannya orang itu datang ke arahnya. Dia belum pasti siapakah yang datang itu. Namun tidak sedikit pun dia berasa curiga atau takut akan orang yang datang itu. Selama berpuluh-puluh tahun dia tinggal di kampung itu dan selama beratus-ratus tahun nenek moyangnya menetap di daerah keamanan itu, dia belum pernah mendengar berita atau mengalami sendiri peristiwa-peristiwa yang tidak diingini. Meskipun di tempat-tempat lain sering diserang lanun, tetapi kampung itu tetap aman damai dan terselamat daripada sebarang bencana.

"Sudah lama Orang Tua menunggu?" sapa orang yang baru datang itu. Perlahan-lahan orang itu masuk ke dalam kapal seraya meminta, "Orang Tua, pinjam lampu picit sekejap."

KK. Barau tidak menjawab pertanyaan yang mula-mula tadi. Baginya pertanyaan itu tidak perlu dijawab. Sememangnya pertanyaan seperti itulah yang selalu diajukan oleh Ongkoson, Kimal mahupun Sampiran.

Setelah mendapat lampu picit, Ongkoson terus duduk dan menyoroti tapak kakinya yang bogel itu. Dia membelek-belek tapak kakinya yang terasa sakit sewaktu perjalanan menuju ke kapal tadi.

"Kenapa kakimu?"

"Barangkali kena cucuk duri tadi. Rasa sakit-sakit tapi tidak nampak durinya pula."

Ongkoson terus membiarkan kakinya sakit-sakit. Lampu picit yang dipinjamnya tadi dihulurkan kepada KK. Barau tanpa sepatah kata.

Tidak lama kemudian Sampiran pula sampai. Beg bekalnya

diletakkan di atas para dalam kapal itu.

Dalam pada itu KK. Barau sedang memeriksa enjin kapalnya yang terletak di bahagian bawah. Dia memeriksa sama ada minyak hitam enjin itu masih cukup atau perlu ditambah lagi. Dia masih ingat pesan Tauke Seng Hiap tempoh hari. "Orang Tua mesti selalu tengok minyak hitam. Jangan sampai habis itu minyak hitam. Kalau habis, enjin terbakar nanti."

"Ada apa-apa yang rosak, Orang Tua?" Sampiran bertanya sekadar untuk menimbulkan kemesraan.

"Tidak. Cuma mahu tambah minyak hitam sedikit," sahut KK. Barau seraya menuangkan minyak hitam ke dalam enjin itu.

"Kimal sudah sampai?"

"Belum, Orang Tua. Sekejap lagi barangkali," sahut Sampiran.

Setelah selesai memeriksa enjin dan menambah minyak hitam (pelincir enjin), KK. Barau duduk di buritan kapal bersama-sama Ongkoson dan Sampiran.

"Rumahmu tidak bocor kena hujan lebat kelmarin, Ran?" tanya KK. Barau ramah meskipun Sampiran jauh lebih muda daripadanya.

"Bocor juga sedikit. Tapi kalau hujan tak lebat sangat, biasanya tidak juga bocor."

"Rumahku pun yang di depan dapur itu selalu bocor. Tampal sini, sana bocor. Tampal sana, sini bocor pula. Entahlah sampai bila agaknya kita ini mampu membeli zink. Kalau atap zink barangkali berpuluh tahun pun tidak bocor." KK Barau menyedut lagi rokok yang membara di bibirnya.

"Dua tiga tahun lagi barangkali baru kita ini mampu membeli zink. Itu pun kalau duit simpanan seringgit dua kita tiap hari itu tidak dibelikan barang-barang lain. Entah esok lusa atau sebulan dua lagi ada benda lain pula yang perlu. Aku ini tidak lama lagi akan mendapat anak seorang lagi. Anak bertambah, belanja pun bertambah. Entahlah sampai bila agaknya kita ini menjadi kaya. Hidup senang macam orang-orang lain itu," sahut Ongkoson pula.

"Semua orang mahu menjadi kaya, tapi kalau sudah nasib kita macam ini, apa mahu dibikin lagi? Bersyukur sajalah dengan apa

yang kita ada sekarang. Pokoknya kita ini tidak mengemis dan hidup kita pun senang juga. Kita dan orang-orang di kampung ini tidak pernah ada yang kebuluran," jawab KK. Barau.

Mereka terdiam apabila kedengaran ada suara orang berbual-bual di kejauhan. Semakin lama suara itu semakin jelas sampai ke telinga mereka.

"Sebenarnya aku malas mahu turun ke laut hari ini."

"Kenapa?"

"Entahlah. Aku rasa macam tidak berapa senang hati. Macam ada sesuatu yang tidak senang."

"Kalau begitu, kenapa kau turun juga?"

"Aku terpaksa turun juga ini hari kerana kelmarin aku sudah mengambil belanja di kedai Tauke Seng Hiap. Kalau aku tidak turun, siapa yang mahu membayar hutangku itu?"

"Kelmarin aku pun berhutang di Kedai Seng Hiap. Bukan saja hutang belanja, malah aku hutang duit lima puluh ringgit."

"Kalau duit, aku belum pernah pinjam lagi."

"Aku terpaksa meminjam sebab anakku sakit. Sekarang ini aku mahu pergi ke Pekan Beluran, mencari bomoh di sana."

"Kau punya anak sakit apa?"

"Entahlah. Aku tidak tahu. Semalam badannya panas. Matanya tengok ke atas. Kadang-kadang badannya keras. Barangkali anakku itu kena teguran."

Kimal menuju ke kapal KK. Barau manakala orang yang bersamanya tadi terus menuju ke tempat perahunya ditambat.

KK. Barau, Ongkosan dan Sampiran sudah tahu akan kehadiran Kimal. Mereka terus menanti ketibaan Kimal. Pada kebiasaannya Kimal memang datang paling lewat. Namun mereka tidak pernah mempersoalkan kelewatan itu.

Di ufuk timur, kaki langit semakin cerah. Ayam jantan berkokok bersahut-sahutan. Minggu lepas seekor ayam jantan di kampung itu mati di gelanggang persabungan. Minggu sebelumnya pula, ayam Kimal kalah di kaki ayam Rosdi. Kimal terpaksa membayar dua puluh ringgit kerana kekalahan itu.

"Sudah lama, Orang Tua?" tegur Kimal hormat. Bukan sahaja Kimal, malahan seluruh penduduk Kampung Air Penyengat sen-

tiasa hormat kepada KK. Barau selaku ketua mereka. KK. Barau tempat mereka mengadu dan tempat mereka mencari penyelesaian masalah, termasuklah masalah rumahtangga. Sebagai tanda hormat, penduduk kampung tersebut menggelar beliau "Orang Tua".

"Tidak juga lama. Tapi *sigup*ku sudah hampir habis dua batang," sahut KK. Barau. "Mal, hidupkan enjin. Kita jalan sekarang." Kimal selalu mengemudikan kapal sekiranya KK. Barau penat atau bosan.

Kimal segera menjalankan tugasnya. Niatnya hendak memberitahu KK. Barau tentang perasaannya yang kurang tenteram dibatalkan.

Walaupun hawa pagi itu begitu dingin, enjin kapal KK. Barau tidak membuat ragam. Sekali sahaja *starter* ditarik, enjin sudah berbunyi. Deruman enjin yang lantang itu meresap ke seluruh ruang kampung yang masih sepi.

Tatkala itu, Sampiran sedang membuka ikatan tali yang menambat kapal itu pada sebatang pancang kayu. Tali itu kemudiannya digulung-gulung lalu dicampakkannya ke lantai depan kapal itu.

Setelah semuanya bersedia, Kimal mula mengemudikan kapal yang membawa empat orang nelayan kecil itu. Perlahan-lahan kapal membelah dada sungai yang amat tenang dan meninggalkan riak-riak air yang ganas di belakang.

KK. Barau, Ongkoson dan Sampiran duduk di bahagian depan kapal. Cahaya pelita *hurricane* yang memancarkan cahaya kuning keemasan itu menyinari wajah mereka.

"Tahun ini nampaknya budak-budak kita tidak ada yang pergi ke sekolah menengah di pekan Beluran, Orang Tua." Ongkoson membuka tirai perbualan. Rokok daunnya kelihatan menyala. Dan asap yang dihembuskan segera lenyap dibawa angin pagi yang dingin.

"Cukuplah sekolah rendah saja. Kalau budak-budak kita pergi sekolah menengah, siapa yang membantu kita di rumah?"

"Betul juga," kata Ongkoson. "Lagipun kalau sudah masuk sekolah menengah kenalah beli itu beli ini dan banyak lagi ke-